

21/02/2004

Sokong BN pastikan kemajuan berterusan

Norbakti Alias; Johari Ibrahim; Faiza Zainudin

KUALA KEDAH: Datuk Seri Najib Razak meminta rakyat negeri ini terus menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) supaya agenda pembangunan yang dirancang dapat diteruskan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bantuan dapat disalurkan dengan lebih mudah dan berkesan jika kerajaan negeri dipimpin oleh parti yang sama dengan Kerajaan Pusat.

"Saya percaya Kedah tidak akan terlepas kepada tangan orang lain kerana kita ada wawasan besar.

"Namun, untuk mencapainya secara realiti kerajaan negeri mesti sama dengan Kerajaan Pusat, baru wawasan itu terlaksana," katanya pada majlis Mesra Rakyat bersama lebih 6,000 nelayan dan petani Parlimen Kuala Kedah di Padang Awam, Taman Seri Putra di sini, semalam.

Turut sama, isterinya Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ku Nahar Ku Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri juga menyampaikan bantuan makanan tambahan untuk keluarga miskin sumbangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) kepada 200 penduduk.

Najib memberi jaminan Kerajaan Pusat terus membantu membangunkan Kedah walaupun Tun Dr Mahathir Mohamad tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat akan memberi tumpuan kepada penternak, petani dan nelayan untuk dibawa bersama dalam arus pembangunan kerana prihatin kepada golongan yang memerlukan pembelaan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan rakyat jangan terpengaruh dengan pihak yang hanya berbangga dengan slogan, kain rentang dan ceramah tapi dari segi pelaksanaan, tidak ada apa-apa yang mampu ditunjukkan.

Beliau berkata, rakyat seharusnya bersyukur kerana menerima rezeki berlebihan dan menikmati keamanan sejak kepemimpinan Tunku Abdul Rahman sehingga Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Semua ini tak jadi dengan sendiri kerana Nabi Muhammad saw mengingatkan jika kita lantik orang yang bukan ahli ke tempat tertentu, maka tunggulah masa kehancuran. Kita berjaya kerana lantik orang yang sesuai pada tempat yang sesuai," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno negeri di Alor Star pula, Najib berkata, suasana politik dan sambutan menggalakkan daripada rakyat terhadap program kerajaan di negeri ini memberi petanda positif BN akan terus meneraju Kedah.

Malah, katanya, Umno yakin prestasi kali ini lebih baik berbanding Pilihan Raya Umum 1999.

"Ini ditambah dengan sokongan baik daripada pegawai tadbir negeri kepada kerajaan negeri dan ini gambaran positif kerana mereka yakin terhadap kerajaan negeri dan Pusat selain mendukung penuh wawasan negara serta Kedah Maju," katanya.

Pada perjumpaan itu, Timbalan Perdana Menteri turut menyerahkan komputer kepada 666 daerah mengundi Umno Kedah.

Mengenai pertemuan tertutupnya dengan pegawai tadbir negeri (KCS), Najib berkata, beliau mengingatkan mereka mengenai pesanan Abdullah yang mahu sistem penyampaian sentiasa dikaji untuk dibaiki keberkesananannya serta tingkatkan pentadbiran.

Sementara itu, berucap pada majlis ramah mesra bersama pegawai, anggota dan keluarga tentera di Kolej Tentera Udara Kepala Batas, Najib yang juga Menteri Pertahanan meminta anggota tentera terus taat dan setia kepada kerajaan.

Najib berkata, beliau akan mengumumkan hasil kajian semula elaun tentera apabila tiba waktunya.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kerajaan akan melakukan segala yang terdaya bergantung kepada kemampuan kewangan untuk menjaga kebajikan anggota tentera.

"Mudahan-mudahan dari semasa ke semasa saya ada berita lebih baik untuk anggota tentera dan saya berharap bila sampai masanya, anggota tentera pun boleh menggembirakan saya dan kerajaan," katanya.